

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ) ON PAYMENT HOLIDAY TERMINATION**1. Apakah itu “*Payment Holiday*”?**

“*Payment Holiday*” merupakan satu kemudahan yang membolehkan pelanggan yang layak tidak perlu membuat pembayaran ansuran bulanan bagi bulan November dan Disember sepanjang tempoh pembiayaan. Kemudahan ini bertujuan memberi peluang kepada pelanggan untuk mempunyai lebih aliran tunai atau wang tunai tambahan pada bulan November dan Disember bagi membantu memenuhi keperluan kewangan mereka.

2. Bagaimanakah kemudahan “*Payment Holiday*” berfungsi?

Dalam tempoh “*Payment Holiday*” (November dan Disember setiap tahun), pelanggan tidak perlu membuat bayaran ansuran bulanan kerana tiada ansuran akan dijana oleh sistem. Walau bagaimanapun, keuntungan pembiayaan akan terus terakru berdasarkan baki prinsipal yang masih belum dijelaskan.

3. Mengapa terdapat keuntungan terakru sepanjang tempoh kemudahan “*Payment Holiday*”?

Walaupun bayaran ansuran bulanan ditangguhkan sepanjang tempoh “*Payment Holiday*”, kadar keuntungan pembiayaan tetap dikira dan terakru secara harian ke atas baki prinsipal tertunggak. Namun begitu, Bank tidak mengenakan keuntungan ke atas keuntungan yang telah terakru tersebut (*non-compounding*).

4. Apakah kesan kemudahan “*Payment Holiday*” terhadap akaun Pembiayaan Perumahan pelanggan?

Kesan kemudahan “*Payment Holiday*” adalah seperti berikut:

- a. Pengurangan baki pembiayaan berlaku pada kadar yang sangat perlahan sepanjang tempoh pembiayaan.
- b. Akaun pembiayaan masih mempunyai baki yang lebih tinggi apabila tempoh pembiayaan tamat atau sekiranya pembiayaan diselesaikan lebih awal, yang mana terdahulu.

5. Mengapakah kemudahan “*Payment Holiday*” dihentikan bagi akaun Pembiayaan Perumahan pelanggan?

Kemudahan “*Payment Holiday*” dihentikan bagi memastikan akaun Pembiayaan Perumahan pelanggan tidak mempunyai baki yang besar di akhir tempoh pembiayaan.

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ) ON PAYMENT HOLIDAY TERMINATION

6. Bilakah pemberhentian “*Payment Holiday*” akan berkuatkuasa?

Pemberhentian “*Payment Holiday*” akan berkuatkuasa mulai November dan Disember 2026.

7. Adakah “*Payment Holiday*” dihentikan bagi semua akaun Pembiayaan Perumahan pelanggan?

Ya. “*Payment Holiday*” dihentikan bagi semua akaun Pembiayaan Perumahan pelanggan.

8. Apakah kesan kepada akaun Pembiayaan Perumahan pelanggan jika “*Payment Holiday*” dihentikan?

Berkuatkuasa mulai 2026, bayaran ansuran bulanan bagi bulan November dan Disember dan seterusnya hendaklah dijelaskan sehingga tamat tempoh pembiayaan atau penyelesaian awal pembiayaan; yang mana terdahulu.

Kegagalan untuk membuat bayaran tersebut boleh menyebabkan tunggakan pada akaun, yang berpotensi menjejaskan rekod pembayaran pelanggan serta tertakluk kepada caj atau tindakan lanjut tertakluk mengikut terma dan syarat pembiayaan.

9. Apakah yang perlu pelanggan lakukan sekarang?

Dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis dikeluarkan, sila imbas kod QR yang tertera untuk:

- a. Mengesahkan penerimaan notis ini; atau/dan
- b. Mengemukakan permohonan untuk meneruskan kemudahan “*Payment Holiday*”.

10. Apa akan berlaku jika pelanggan tidak memberi maklum balas?

Sekiranya tiada maklum balas diterima dalam tempoh yang ditetapkan, kemudahan “*Payment Holiday*” akan dihentikan secara automatik mulai tahun 2026.

11. Adakah pelanggan boleh memohon untuk meneruskan kemudahan “*Payment Holiday*”?

Boleh. Pelanggan yang ingin terus menikmati kemudahan “*Payment Holiday*” perlu mengemukakan permohonan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat pemberitahuan yang dikeluarkan oleh Bank. Permohonan boleh dibuat dengan mengimbas kod QR yang tertera dalam notis pemberhentian “*Payment Holiday*”.

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ) ON PAYMENT HOLIDAY TERMINATION

12. Bagaimanakah pelanggan akan dimaklumkan mengenai pemberhentian kemudahan “Payment Holiday”?

Pihak Bank akan memaklumkan kepada pelanggan mengenai pemberhentian kemudahan “Payment Holiday” melalui saluran komunikasi yang berdaftar dengan pihak Bank seperti berikut:

- a) E-notis yang dihantar ke alamat e-mel pelanggan; dan/atau
- b) Surat yang dihantar ke alamat surat-menyurat pelanggan; dan/atau
- c) SMS yang dihantar ke nombor telefon bimbit pelanggan.

13. Adakah pelanggan perlu menyelesaikan keuntungan terakru sepanjang tempoh “Payment Holiday” dengan serta merta?

Tidak. Pelanggan mempunyai pilihan berikut untuk pengurangan/penyelesaian jumlah keuntungan terakru tersebut:

- a) Membuat bayaran ansuran bulanan mengikut jumlah ansuran semasa setiap bulan sehingga tamat tempoh pembiayaan dan membuat penyelesaian penuh jumlah keuntungan terakru pada tarikh pembiayaan tamat; atau
- b) Membuat bayaran bagi pengurangan jumlah keuntungan terakru sebelum tamat tempoh pembiayaan dengan mengemukakan permohonan bertulis ke cawangan yang terdekat; atau
- c) Membuat penyelesaian awal ke atas keseluruhan baki amaun pembiayaan.

14. Apa yang akan berlaku sekiranya pelanggan tidak mampu menyelesaikan keuntungan terakru sepanjang tempoh “Payment Holiday” secara bayaran sekaligus ketika tamat tempoh pembiayaan?

Pelanggan dinasihatkan untuk mengunjungi cawangan Bank Islam yang terdekat atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Islam di talian 03-26 900 900 untuk bantuan lanjut. Pelanggan juga boleh memohon Program “Rescheduling & Restructuring” (R&R) yang boleh dibuat secara terus melalui pautan berikut: <https://www.bankislam.com/financing-support-assistance/>.

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ) ON PAYMENT HOLIDAY TERMINATION

15. Akaun Pembiayaan Perumahan pelanggan mempunyai lebih bayaran pendahuluan (“Advance Payment”), bolehkah pelanggan membuat permohonan untuk pengembalian amaun tersebut?

Boleh. Walau bagaimanapun, pelanggan hendaklah terlebih dahulu menjelaskan semua amaun tertunggak (jika ada), termasuk amaun keuntungan terakru sepanjang tempoh “*Payment Holiday*.” Sebarang lebihan “*Advance Payment*” (jika ada), akan dipulangkan kepada pelanggan.

Nota : **Jumlah bayaran pendahuluan (“Advance Payment”)** tersebut mestilah bukan daripada pengeluaran KWSP di bawah skim pengeluaran bagi mengurangkan atau menyelesaikan baki pinjaman perumahan.

16. Di mana pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan Bank Islam di **03-26 900 900** atau kunjungi cawangan Bank Islam yang terdekat.